



PEJABAT PELAJARAN DAERAH
KULIM BANDAR BAHARU
09000 KULIM, KEDAH, DARUL AMAN
Tel:04-4907662 ,FAX ;04-4913387, email:pejabatam@ppdkbb.net

'KEDAH GEMILANG'

Ruj Kami : PPDKBB : 30/002/1R Jld.3(27)
Tarikh : 26 JULAI 2010

Semua Guru Besar,

Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
Daerah Kulim Bandar Baharu

Tuan,

BENKEL PENINGKATAN PRESTASI BAHASA MALAYSIA PENULISAN (UPSR) UNTUK GURU BAHASA MALAYSIA SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL DAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA DAERAH KULIM BANDAR BAHARU TAHUN 2010

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Kedah (Unit Kurikulum) dengan kerjasama Panitia Bahasa Malaysia Sekolah Rendah Daerah Kulim Bandar Baharu akan mengadakan Bengkel Peningkatan Prestasi Bahasa Malaysia Penulisan (UPSR) untuk guru Bahasa Malaysia SJKT dan SJKC Daerah Kulim Bandar Baharu mengikut ketetapan berikut:

2.1	Tarikh	:	2 OGOS 2010 (ISNIN)
2.2	Masa	:	8.00 pagi – 2.00 petang
2.3	Tempat	:	PKG Sungai Ular

3. Sehubungan itu, kerjasama tuan adalah dipohon untuk membenarkan **seorang guru Bahasa Malaysia Tahun 6** dari sekolah tuan untuk menghadiri bengkel seperti yang tersebut di atas.

4. Untuk makluman tuan, makan dan minum semasa perbengkelan disediakan oleh pihak penganjur. Kerjasama tuan dalam menjayakan bengkel ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG"

Saya yang menurut perintah.

HJ. ABU BAKAR BIN MD. ALI, BCK
Pegawai Pelajaran Daerah,
Kulim Bandar Baharu.